



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN (D.3 EB.4)  
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI  
D.3 EB.4 (\$900 - \$1,465 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- d) Telah berkhidmat dengan Pasukan Keselamatan seperti Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan sebagainya tidak kurang dari 8 tahun.
2. Mempunyai kebolehan dan pengalaman tentang Pengurusan dan penyeliaan satu pasukan Anggota Keselamatan adalah kelebihan.
3. Hendaklah berumur di antara 30 tahun ke atas dan tidak melebihi 45 tahun.
4. Bagi calon-calon yang baru dilantik mestilah tidak memakai kaca mata / kanta lekap lebih 100 *degree*.
5. Calon-calon yang terdiri daripada bekas Anggota Keselamatan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih daripada kesalahan disiplin bagi tempoh 3 tahun kebelakangan dan mengemukakan nama 2 orang *Referees* yang dikenali lebih 5 tahun (melengkapkan Borang Pengakuan Biodata).



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertugas mengawasi keselamatan bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Pusat Persidangan Antarabangsa (*International Convention Centre*), Berakas;
2. Bertanggungjawab mengawasi pegawai-pegawai serta kakitangan yang bertugas, serta tetamu dan pelawat-pelawat ke bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Pusat Persidangan Antarabangsa (*International Convention Centre*), Berakas; dan
3. Bertanggungjawab mengenai keselamatan bagi penghantaran dan pengendalian beg-beg serta kargo Diplomatik.